

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

Perubatan tradisional jadi bidang profesional

Sektor diintegrasikan dengan kajian moden tingkat kesihatan, kualiti hidup rakyat

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahrzki@bh.com.my

Putrajaya: Industri perubatan tradisional dan komplementari akan dijadikan profesional dengan perkhidmatan perubatan itu dipastikan selamat, berkualiti serta boleh diakses oleh semua.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata kementerian komited untuk membangunkan bidang perubatan tradisional dan komplementari, bersama visi mengintegrasikannya dengan bidang perubatan moden.

Katanya, ia sebagai antara usaha meningkatkan kesihatan dan kualiti hidup semua rakyat Malaysia.

Beliau berkata, perubatan tradisional di Malaysia adalah unik kerana ia mempunyai sejarah tersendiri berasaskan kepelbagaian warisan, budaya, bahasa, serta bangsa.

"Perubatan tradisional sentiasa berperanan penting dalam penjagaan kesihatan rakyat Malaysia," katanya berucap pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU)



Khairy (kanan) menunjukkan (MoU) yang ditandatangani bersama Dr Wen Ming secara dalam talian di Kementerian Kesihatan, Putrajaya semalam, yang turut disaksikan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah. (Foto BERNAMA)

Kerjasama dalam Bidang Perubatan Tradisional antara Kerajaan Malaysia dengan China, dalam talian, semalam.

MoU ditandatangani Khairy sebagai mewakili Malaysia dan Pesuruhjaya Pusat Pentadbiran Perubatan Tradisional Cina Kebangsaan, Dr Yu Wenming, mewakili China.

Khairy berkata, pemeteraian MoU itu mencerminkan komitmen dua negara untuk menggalak, mempermudah dan mempromosikan kerjasama dari segi amalan, bahan mentah dan produk, pendidikan serta latihan dan penyelidikan membabitkan cabang perubatan itu.

"Di Malaysia, penyelidikan da-

lam perubatan tradisional dan komplementari masih pada peringkat permulaan.

"Justeru, pengetahuan dan kepakaran luas yang dimiliki pihak China dalam perubatan tradisional, tentu akan memberi manfaat kepada Malaysia.

"Ia lebih-lebih lagi dalam aktiviti penyelidikan, termasuk dari aspek pencegahan dan rawatan penyakit berjangkit serta tidak berjangkit," katanya.

Malah, Khairy berkata, hasil kajian itu akan membantu Malaysia dalam menetapkan dasar bersesuaian bagi mengurangkan beban penyakit di negara ini.

Katanya, Kementerian Kesihatan (KKM) juga berharap rang-

kaian komunikasi yang berkesan dapat terus dimantapkan bagi tujuan pertukaran maklumat teknikal, saintifik dan kawal selia.

Beliau berkata, ia seterusnya akan memudahkan proses pembuatan dasar dan strategi yang bersesuaian bagi memastikan penggunaan perkhidmatan serta produk perubatan tradisional yang selamat dan berkesan untuk kesejahteraan orang ramai.

Katanya, pemeteraian MoU itu juga selaras aspirasi Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Kerajaan Malaysia yang mengiktiraf sumbangan sistem perubatan tradisional dalam melengkapkan sistem perubatan konvensional serta membolehkan negara bergerak ke arah kesihatan lebih baik.

Pada masa sama, Khairy berkata, dua negara pernah mengadakan persefahaman seumpama itu pada 7 November 2011, dikenali sebagai *State Administration of Traditional Chinese Medicine* yang berkuat kuasa hingga tahun lalu.

Melalui MoU itu, beliau berkata, pelbagai kerjasama dalam bidang perubatan tradisional telah dilaksanakan sepanjang tempoh 10 berkenaan.

"Ia termasuk sesi perkongsian maklumat sama ada melalui bengkel, persidangan atau mesyuarat, latihan kepada anggota kesihatan KKM di institusi atau hospital di China dan deputasi pakar perubatan tradisional Cina dari China untuk menawarkan perkhidmatan di hospital KKM," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Semua data MySejahtera hak milik penuh kerajaan

Syor hadkan tempoh simpanan data pengguna elak kecurian data peribadi

Oleh Rohaniza Idris dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Semua data dan maklumat yang diperoleh menerusi penggunaan aplikasi MySejahtera, adalah hak milik penuh dan mutlak kerajaan.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata sebelum aplikasi itu dilancarkan pada 20 April 2020, Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi pihak kerajaan sudah memeterai Perjanjian Ketekaddehan (NDA) dengan KPISoft Sdn Bhd pada 1 April 2020, dengan terma yang dipersetujui kedua-dua pihak.

Antara terma utama yang terkandung dalam perjanjian NDA itu, katanya, termasuklah berkenaan hak milik setiap data dan maklumat yang diperoleh menerusi penggunaan MySejahtera adalah hak milik penuh dan mutlak Kerajaan.

"Saya ingin memberi jaminan

bahawa segala data tersimpan di dalam pangkalan data MySejahtera adalah terpelihara dan hanya bagi tujuan kawalan pandemik oleh Kementerian Kesihatan (KKM) sahaja.

"Dalam hal ini, penggunaan dan pengurusan data MySejahtera adalah tertakluk kepada Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342), Akta Perubatan 1971 (Akta 50) dan piawaian antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulung perbincangan mengenai isu membabitkan MySejahtera di Dewan Negara, petang semalam.

Dalam sesi perbincangan terdahulu, data kira-kira 38 juta pengguna MySejahtera dicadang dihapuskan selepas pandemik COVID-19 berjaya dikawal dan negara beralih sepenuhnya ke fasa endemik.

Senator Datuk Dr Dominic Lau Hoe Chai yang membangkitkan cadangan itu berkata, kerajaan perlu mengehadkan tempoh simpanan data pengguna dalam aplikasi terbabit untuk tempoh tertentu, sebelum ia dihapuskan sepenuhnya.

Katanya, langkah berkenaan bagi memastikan data berkenaan khusus digunakan untuk kawalan COVID-19 semata-mata, serta mengatasi risiko kecurian data peribadi pengguna

rakyat Malaysia.

"Adakah data itu akan dipadam atau dihapuskan selepas tempoh tertentu seperti dalam tempoh enam bulan lagi. Mungkin KKM kata tiada masalah untuk simpan data ini, tetapi bagaimana jika ada pihak menggodam pangkalan data?"

"Merujuk instrumen kawal selia kewangan seperti diumumkan negara zon ekonomi Eropah serta United Kingdom, sesebuah rekod data yang disimpan adalah maksimum tujuh tahun sahaja dan selepas itu ia perlu dihapuskan."

"Adakah KKM bersetuju untuk data ini dihapuskan dan berapa lama tempoh penyimpanan rekod MySejahtera sebelum dihapuskan? Saya cadangkan dalam kadar segera selepas fasa transisi endemik mencapai tahap memuaskan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membahaskan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 17(1) bagi mendapatkan penjelasan Menteri Kesihatan mengenai kontroversi MySejahtera di Dewan Negara, semalam.

Terdahulu, Senator Muhammad Zahid Md Arip ketika membentangkan usul berkenaan memaklumkan Dewan Negara bahawa kontroversi keselamatan data peribadi rakyat Malaysia dalam aplikasi MySejahtera perlu dibahaskan susulan langkah kerajaan

an memilih syarikat MySJ Sdn Bhd (MySJ) untuk meneruskan pengurusan aplikasi MySejahtera.

Beliau berkata, beberapa individu penting dalam syarikat swasta itu difahamkan mempunyai hubungan serta kaitan secara langsung dengan KPISoft Sdn Bhd (KPISoft) selaku syarikat yang membangunkan aplikasi MySejahtera.

"Wujud kekhawatiran dalam kalangan rakyat bahawa kemungkinan data peribadi mereka boleh disalahgunakan dan jika itu berlaku, ia hanya mencetuskan kemarahan rakyat kepada kerajaan."

"Selain itu, usul yang saya kemukakan ini juga membabitkan kepentingan orang ramai yang memerlukan penjelasan segera secara terperinci oleh KKM memandangkan MySejahtera adalah aplikasi tunggal yang diwajibkan penggunaannya ke atas rakyat."

"Sebarang kegagalan untuk kerajaan tampil menjawab persepsi, dakwaan serta tuduhan mengenai kontroversi MySejahtera hanya akan memberi mesej salah kepada rakyat dan akan merencat serta mencacatkan usaha memerangi pandemik COVID-19," katanya.

Beliau turut membangkitkan mengapa MySJ yang dipilih untuk mengurus aplikasi itu tidak

Saya ingin memberi jaminan bahawa segala data tersimpan di dalam pangkalan data MySejahtera adalah terpelihara dan hanya bagi tujuan kawalan pandemik oleh Kementerian Kesihatan (KKM) sahaja.

Khairy Jamaluddin,
Menteri Kesihatan



melalui tender terbuka dan lebih membimbangkan, ada dakwaan mengatakan kos pengambilan pengurusan aplikasi MySejahtera ini menelan belanja ratusan juta.

Justeru, katanya, Dewan Negara mahu jaminan keselamatan daripada Menteri Kesihatan bahawa semua data peribadi rakyat Malaysia ini tidak akan sesekali tergadai serta disalahguna dan dimanipulasi pihak tertentu.

"Jaminan ini tidak cukup sekadar di mulut sahaja, tetapi harus dibuktikan melalui tindakan konkrit dengan menutup segala ruang yang sudah saya bangkitkan tadi," katanya.

Senator Datuk Seri Zurainah Musa pula berkata, penjelasan KKM mengenai kontroversi MySejahtera baru-baru ini yang kurang jelas, menimbulkan persoalan sama ada terdapat pihak yang mengaut keuntungan daripada aplikasi itu.

Pengembara wajib daftar

Putrajaya: Pengembara yang mahu ke negara ini perlu memuat turun dan mendaftar dalam aplikasi MySejahtera serta mengisi borang prapelepasan sebelum berlepas.

Kementerian Kesihatan (KKM) dalam satu hantaran melalui media sosial, berkata ia berikutan pengisian borang prapelepasan adalah wajib untuk memasuki negara ini.

Hantaran itu turut menyertakan grafik tatacara memuat turun, mengaktifkan dan mendaftar MySejahtera dalam bahasa Melayu dan Inggeris.

Berdasarkan grafik itu, pengembara perlu memuat turun MySejahtera daripada gedung aplikasi (app store) dan menekan butang 'Daftar Di Sini' untuk mendaftar akaun MySejahtera.

Mereka boleh mendaftar dengan menggunakan nombor telefon atau alamat e-mel yang sah, sebelum memasukkan nombor OTP yang dihantar menerusi sistem pesanan ringkas (SMS) atau



Pengembara masuk negara ini wajib muat turun MySejahtera. (Foto hiasan)

pautan yang dihantar melalui e-mel yang digunakan ketika mendaftar.

Pengembara kemudian perlu melengkapkan butiran pendaftaran dan menetapkan kata laluan. Selepas itu, pengembara boleh log masuk dengan nombor telefon dan e-mel yang berdaftar.

Mereka kemudian perlu klik pautan 'Perlu Dilakukan' dan menjawab semua soalan penilaian.

Pendaftaran akan tamat sebaik sahaja selesai menjawab semua soalan penilaian dan status penilaian kesihatan akan dipamerkan.

Tatacara bagi pengembara mengisi borang prapelepasan dan dokumen berkaitan



Sumber: KKM

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : COVID-19

Daftar masuk premis guna MySejahtera mungkin dimansuh

Putrajaya: Keperluan menggunakan aplikasi MySejahtera sebagai prosedur operasi standard (SOP) daftar masuk ke premis-premis mungkin dimansuhkan.

Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin (*gambar*) berkata keputusan sama ada meneruskan atau memansuhkan SOP daftar masuk melalui MySejahtera itu akan ditentukan berdasarkan trendjangkitan pandemik Covid-19 serta data mobiliti penduduk dan pengembara, apabila sempadan negara dibuka semula hari ini.

"Penentuan berhubung

perkara ini akan ambil masa hampir sebulan, kerana kita kena lihat pada trend ini.

"Sekiranya trendjangkitan tidak banyak perubahan dengan trend ketika ini, maka kita boleh drop fungsi daftar masuk," katanya selepas melancarkan majlis penutup Program Pengurusan Berat Badan Bersepadu Kebangsaan dan *World Physical Activity Day 2022*, kelmarin.

Khairy berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) bahawa sudah tiba masanya amalan mengimbas MySejahtera setiap kali memasuki premis

dihentikan, ketika negara sedang memasuki fasa peralihan ke endemik mulai hari ini.

Kerajaan sebelum ini memansuhkan SOP berkaitan pemeriksaan suhu badan dan buku rekod daftar masuk premis pada 11 Februari lalu.

Mengenai isu berkaitan pemilihan aplikasi MySejahtera, Khairy berkata KKM dijangka memuktamadkan rundingan bersama syarikat yang mengendalikan platform perisian aplikasi itu dalam tempoh kira-kira sebulan.

"Proses rundingan sedang

berjalan ketika ini. Namun ia ambil masa sedikit sebab agak teknikal," katanya.

Khairy berkata rundingan itu diadakan selepas KKM menubuhkan Jawatankuasa Rundingan Harga pada tahun lalu bertujuan melaksanakan rundingan harga perolehan dan pengurusan perkhidmatan aplikasi MySejahtera dengan pihak syarikat untuk tempoh dua tahun, selaras tatacara perolehan kerajaan.

Beliau berkata perolehan itu dipersetujui Kementerian Kewangan pada 28 Februari lalu untuk dilaksa-

nakan dan kini proses rundingannya telah dimulakan bagi memastikan *due diligence* dilakukan dalam proses itu serta memelihara kepentingan kerajaan.

Khairy

sebelum ini menegaskan bahawa kerajaan tidak pernah menjual aplikasi MySejahtera kepada mana-mana syarikat swasta, dan ia adalah hak milik kerajaan.



Hilang status vaksin turut dibenar dine-in

Kuala Lumpur: Individu yang hilang status lengkap vaksin bermula 1 April kerana tidak mendapat dos penggalak masih boleh melakukan aktiviti sama seperti mereka yang lengkap divaksinasi, kata Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin.

Antara aktiviti itu ialah makan di restoran, memasuki pusat beli-belah, tempat kerja dan rumah ibadat.

"Sehubungan itu, pemilik premis perlu pastikan bahawa hanya pelanggan atau pengunjung yang telah sekurang-kurangnya melengkapkan vaksinasi dos primer dibenarkan masuk ke premis perniagaan, rumah ibadat dan lain-lain yang berkenaan," katanya.

Beliau berkata seperti diumumkan sebelum ini, semua penerima vaksin Sinovac dan Sinopharm berusia 18 tahun dan ke atas serta penerima semua jenis vaksin dos primer berusia 60 tahun ke atas akan kehilangan status vaksinasi lengkap dalam aplikasi MySejahtera sekiranya belum menerima dos penggalak.

Bagaimanapun katanya, maklumat sejarah vaksin primer yang terdapat dalam aplikasi MySejahtera masih kekal.

Khairy berkata, seseorang individu diiktiraf sebagai lengkap vaksinasi dos primer apabila memenuhi kriteria seperti bagi jenis vaksin yang memerlukan dua dos suntikan (Pfizer, AstraZeneca, dan Sinovac), individu berkenaan mestilah melepasi

hari ke-14 dari tarikh suntikan dos kedua.

Selain itu, bagi jenis vaksin yang hanya memerlukan satu dos suntikan (Johnson & Johnson dan CanSino), individu berkenaan mestilah melepasi hari ke-14 dari tarikh suntikan.

Beliau berkata, bagi pengembara dari luar negara yang akan memasuki Malaysia, mereka perlu mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan iaitu hanya pengembara yang menerima vaksinasi lengkap (lengkap vaksinasi dos primer dan dos penggalak) dibenarkan memasuki premis berkenaan.

"Pemakluman SOP terbaharu ini bagaimanapun bukan bermaksud penerima vaksin Sinovac berusia 18 tahun dan ke atas serta penerima semua jenis vaksin berusia 60 tahun dan ke atas tidak perlu mendapatkan dos penggalak," katanya.

Khairy berkata, data penilaian yang dijalankan dalam kalangan penerima vaksin di Malaysia mendapati tahap perlindungan terhadapjangkitan Covid-19 menurun sehingga 20 peratus bagi dua dos vaksin Pfizer dan 48 peratus bagi dua dos vaksin Sinovac dalam tempoh tiga hingga lima bulan selepas vaksinasi primer.

Menurutnya pengambilan dos penggalak akan meningkatkan semula paras antibodi dalam tubuh, seterusnya boleh mengurangkan risiko gejala teruk akibatjangkitan Covid-19.

"Pengunjung telah sekurang-kurangnya lengkap vaksinasi dos primer dibenarkan masuk"
Khairy

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : LOKAL

MoU PERUBATAN TRADISIONAL MALAYSIA & CHINA

Komitmen tingkat kualiti hidup rakyat

Putrajaya: Perjanjian persefahaman (MoU) kerjasama dalam perubatan tradisional antara Malaysia dan China yang ditandatangani mencerminkan komitmen kedua-dua negara untuk menggalak, mempermudah, mempromosi kerjasama dari segi amalan, bahan mentah, produk, pendidikan, latihan dan penyelidikan membabitkan cabang perubatan berkenaan.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ketika ini komited bagi membangunkan bidang perubatan tradisional dan komplementari dengan visi untuk mengintegrasikan dengan bidang perubatan moden.

Menurutnya, ia sebagai suatu usaha meningkatkan kesihatan dan kualiti hidup



Pengetahuan dan kepakaran luas dimiliki oleh pihak China dalam perubatan tradisional sudah tentu akan dapat memberi manfaat kepada Malaysia lebih-lebih lagi dalam aktiviti penyelidikan"

Khairy

semua rakyat Malaysia.

Katanya, bagi mencapai visi itu, industri perubatan tradisional dan komplementari akan diprofesionalkan dengan memastikan perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari selamat, berkualiti dan boleh diakses oleh semua.

Khairy berkata, perubatan tradisional di Malaysia unik kerana ia ada sejarah tersendiri berasaskan kepelbagai warisan, budaya, bahasa, dan bangsa di Malaysia.

"Perubatan tradisional berperanan penting dalam penjagaan kesihatan rakyat Malaysia. Selain itu, di Malaysia, penyelidikan dalam perubatan tradisional dan komplementari masih dalam peringkat permulaan.

"Justeru, pengetahuan dan kepakaran luas dimiliki oleh pihak China dalam perubatan tradisional sudah tentu akan dapat memberi manfaat kepada Malaysia lebih-lebih lagi dalam aktiviti penyelidikan termasuk aspek pencegahan dan rawatan penyakit berjangkit dan tidak berjangkit," katanya.

Beliau berkata, demikian ketika Majlis Menandata-

ngani MoU Kerjasama dalam Bidang Perubatan Tradisional antara Kerajaan Malaysia dan China, secara dalam talian, semalam.

MoU ditandatangani Khairy mewakili Malaysia dan Pesuruhjaya Pusat Pendaftaran Perubatan Tradisional Cina Kebangsaan, Dr Yu Wenming mewakili China.

Khairy berkata, hasil kajian berkenaan akan membantu Malaysia dalam menetapkan dasar bersesuaian untuk mengurangkan beban penyakit di Malaysia.

Katanya, KKM berharap rangkaian komunikasi berkesan dapat terus dimantapkan bagi tujuan pertukaran maklumat teknikal, saintifik dan kawal selia yang seterusnya akan memudahkan proses pembudayaan dasar dan strategi yang



KHAIRY menunjukkan MoU yang ditandatangani antara kerajaan Malaysia dan China secara dalam talian.

bersesuaian dalam memastikan penggunaan perkhidmatan dan produk perubatan tradisional yang selamat dan berkesan untuk kesejahteraan orang ramai.

Tambahnya, MoU itu selaras dengan aspirasi Pertubuhan Kesihatan Sedunia

(WHO) dan Kerajaan Malaysia yang mengiktiraf sumbangan sistem perubatan tradisional dalam melengkapkan sistem perubatan konvensional serta membolehkan negara bergerak ke arah kesihatan yang lebih baik.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Perkukuh kerjasama perubatan tradisional

FOTO: BERNAMA

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan (KKM) memperkukuhkan kerjasama dengan China bagi membangunkan perubatan tradisional Cina.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, usaha itu selari dengan visi untuk mengintegrasikan bidang perubatan moden sebagai satu usaha meningkatkan kesihatan dan kualiti hidup rakyat.

"Bagi mencapai visi ini, industri perubatan tradisional dan komplementari akan diprofesionalkan dengan memastikan perkhidmatan adalah selamat, berkualiti serta boleh diakses oleh semua," katanya dalam ucapan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Kerjasama Dalam Bidang Perubatan Tradisional antara Malaysia dan China.

MoU itu ditandatangani secara dalam talian antara Khairy yang mewakili Malaysia dan China diwakili oleh Pesuruhjaya Pusat Pentadbiran Perubatan Tradisional Cina Kebangsaan (NATCM), Dr Yu Wen Ming.

Menurutnya, MoU itu merupakan suatu komitmen bertujuan menggalak, mempermudah dan mempromosi kerjasama antara kedua-dua negara baik dari segi amalan, bahan mentah dan produk, pendidikan serta latihan dan juga penyelidikan.

"MoU ini juga adalah selaras dengan aspirasi Pertubuhan Kesihatan



Khairy menunjukkan MoU yang ditandatangani bersama Dr Wen Ming pada Khamis.

Sedunia (WHO) dan kerajaan Malaysia yang mengiktiraf sumbangan sistem perubatan tradisional dalam melengkapkan sistem perubatan konvensional serta membolehkan negara bergerak ke arah kesihatan lebih baik," ujarnya.

Beliau berkata, kementerian berharap rangkaian komunikasi yang berkesan dapat terus dimantapkan bagi tujuan pertukaran maklumat teknikal, saintifik dan kawal selia seterusnya.

Khairy berkata, MoU itu merupakan satu pencapaian serta usaha penting buat kerajaan Malaysia dan China.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Tidak timbul isu jual MySejahtera

Khairy tegaskan pemilikan aplikasi itu dipindahkan daripada agensi kerajaan lain kepada KKM

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

KUALA LUMPUR

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar menegaskan tidak timbul isu penjualan aplikasi MySejahtera kepada pihak swasta sebaliknya apa yang berlaku adalah pemilikan MySejahtera dipindahkan sepenuhnya daripada agensi kerajaan lain kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Beliau berkata, kerajaan juga tidak pernah membuat sebarang bayaran kepada KPISOFT (M) Sdn Bhd iaitu syarikat yang me-

nyediakan aplikasi tersebut memandangkan ia dilaksanakan melalui tanggungjawab sosial korporat (CSR) untuk tempoh setahun mulai 27 Mac 2020 hingga 31 Mac 2021.

"Pada 26 November 2021, suatu Memorandum Jemaah Menteri oleh Jabatan Perdana Menteri iaitu kementerian bertanggungjawab bagi Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah dibincangkan yang akhirnya dipersetujui di peringkat Jemaah Menteri agar pemilikan aplikasi MySejahtera dipindahkan daripada MKN kepada KKM yang bertujuan memudahkan pengoperasian sistem, pemantauan dan pengesanan kontak dan memperkasa hebahan tentang kesihatan awam.

"Setelah tamat tempoh CSR tersebut, Jemaah Menteri pada 31 Mac 2021 bersetuju supaya perkhidmatan MySejahtera diteruskan kerana keteguhan dan keupayaan dinamik teknologinya.

"Sehubungan itu, kerajaan

meneruskan kerjasama dengan pihak syarikat dalam melaksanakan peningkatan fungsi MySejahtera sehingga ke hari ini.

"Apabila saya dilantik menjadi Menteri Kesihatan pada 30 Ogos 2021 dan meneliti tadbir urus disebalik pengoperasian aplikasi MySejahtera, saya berpandangan adalah wajar untuk KKM mengambil alih sepenuhnya pengendalian dan operasi MySejahtera memandangkan fungsi utama aplikasi serta data yang diperoleh merupakan data berkaitan kesihatan," katanya ketika mengulung perbahasaan usul beihubung aplikasi MySejahtera di Dewan Negara pada Khamis.

Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Dr Rais Yatim sebelum itu membenarkan usul yang dibawa Senator Muhammad Zahid Md Arip untuk dibahas-



KHAIRY

kan.

Mengulas lanjut, Khairy berkata, selaras dengan keputusan Jemaah Menteri ini juga, satu Jawatankuasa Pemandu telah ditubuhkan yang dipengeruskannya dan dianggotai pelbagai agensi berkepentingan seperti

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) serta beberapa pihak lain bagi tujuan mengadakan rundingan bersama syarikat pengendali MySejahtera.

"Jawatankuasa Pemandu ini juga akan membincangkan tentang hala tuju aplikasi MySejahtera lebih-lebih lagi selepas ini kita beralih ke fasa peralihan pandemik dan seterusnya mencapai fasa endemik kelak," jelasnya.

Sementara itu, dalam peng-

ulangan sama, Khairy turut mengulangi kenyataan bahawa data dan maklumat yang diperoleh menerusi penggunaan aplikasi MySejahtera adalah hak milik penuh dan mutlak kerajaan.

"Saya ingin memberi jaminan bahawa segala data yang tersimpan di dalam pangkalan data MySejahtera adalah terpelihara dan hanya bagi tujuan kawalan pandemik oleh KKM sahaja," ujarnya.

Tambahnya, dalam hal ini, penggunaan dan pengurusan data MySejahtera adalah tertakluk kepada Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342], Akta Perubatan 1971 [Akta 50] dan piawaian antarabangsa.

"Selain itu, transaksi data daripada aplikasi MySejahtera dimuat naik ke jaringan pelayan awan setiap hari dan hanya boleh diakses untuk kegunaan aplikasi MySejahtera serta aplikasi sokongan yang berkaitan dengan pandemik Covid-19 sahaja," jelasnya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS/NATION

RESEARCH COOPERATION

MALAYSIA, CHINA INK MoU ON TCM

China's knowledge, expertise in traditional medicine will benefit us, says Khairy

NURADZIMMAH DAIM
PUTRAJAYA
news@nst.com.my


EFFORTS to further integrate traditional and complementary medicine services in the healthcare system received another push, with the Memorandum of Understanding (MoU) on cooperation for traditional medicines between Malaysia and China.

It includes cooperation for information sharing, training, as well as research and development.

Health Minister Khairy Jamaluddin said it marked a significant milestone for both the governments in the field of traditional medicine, especially traditional Chinese medicine (TCM), and was proof of the strong relations between the two countries.

"The MoU is a commitment aimed to encourage, facilitate and promote cooperation between the two countries in the aspects of practices, raw materials and products, education and training, as well as research."

"The Health Ministry hopes the effective communication network would be further enhanced for the purpose of information exchange on technical, scientific and regulatory matters that would facilitate the process of



Health Minister Khairy Jamaluddin holding the memorandum of understanding at the signing ceremony in Putrajaya yesterday. Representatives from China attended the ceremony virtually. BERNAMA PIC

making policies and strategies in ensuring safe services and traditional medicine products for the wellbeing of the people," he said at the signing ceremony at the ministry with virtual attendance of representatives from China yesterday.

Khairy said the MoU was in line with the aspirations of the government and World Health Organisation that recognised the contribution of traditional medicine in complementing the conventional medical system, allowing the country to move towards better healthcare.

He said Malaysia and China had previously signed a similar MoU on November 2011, with Malaysia represented by then health minister Datuk Seri Liow Tiong Lai and the latter represented by former National

Administration of Traditional Chinese Medicine (NATCM) commissioner Dr Wan Guo-qiang.

The MoU, known as the State Administration of Traditional Chinese Medicine, was in force until last year, he said.

He said various cooperative efforts in traditional medicine were carried under the MoU in the past 10 years, including information sharing sessions through workshops, conferences and meetings; training for the ministry's staff and deputation of China's traditional medicines experts to provide services at Health Ministry's hospitals.

"On behalf of the Malaysian government, I would like to express our gratitude to the People's Republic of China for the support shown throughout the

duration of the previous MoU.

"This is in line with the Health Ministry's efforts to develop and enhance traditional medicine fields through evidence-based research," he said, expressing hopes that such collaborations would continue in the future.

He said that the Belt and Road Initiative had also improved the regional relations and collaborations between Malaysia and China, especially on matters related to health issues, making it a platform to enhance capacity in managing emergency health issues.

This was done through sharing information on pandemic, prevention or intervention method, as well as proving more effective training for the healthcare staff, he said.

"Traditional medicine in Malaysia is rather unique, where-

by it has its own history formed from various legacies, culture, languages and races in the country. It has played an important role in the healthcare of Malaysians.

"Apart from that, research in traditional and complementary medicine in Malaysia is in its early stage. Hence, the vast knowledge and expertise of China in traditional medicine will benefit Malaysians, especially in research activities, including prevention and treatments of communicable and non-communicable diseases."

The findings of the research would assist the government in setting suitable policies to reduce the burden of diseases in Malaysia, he added.

China's NATCM commissioner Dr Yu Wen Ming, in expressing hopes for a smooth collaboration, said the Chinese government had given great importance to cooperation with Malaysia.

This, he said, included in the field of traditional medicine, where the countries had achieved significant results.

"Since the outbreak of Covid-19, China has actively promoted the participation of traditional Chinese medicine in the prevention and control, combining the use of Chinese and Western medicine, which have made outstanding contributions to China's fight against the pandemic."

"We have also shared our experience with the international community. In April 2020, at the invitation of the Malaysian government, the country has sent a team of medical experts, including TCM experts, to work in Malaysia. The achievements of TCM experts have been highly recognised by Malaysian officials and the public," said Dr Yu.

NATIONAL INFECTION RATE AT 0.88

Active cases show downward trend despite rise in new infections

KUALA LUMPUR: Malaysia recorded 15,941 Covid-19 cases on March 30.

This is the second consecutive day infections have been increasing.

On March 29, cases rose to 15,215 and broke the 16-day downward streak observed since March 13.

The downward trend in active cases, which also began on March 13, however, remained consis-

tent, with 26,592 active cases registered so far.

There were 33 deaths on Wednesday, including 11 brought-in-dead cases.

Malaysia also reported 21,186 recoveries.

A total of 275 cases were warded in Intensive Care Units (ICU) for Covid-19. Out of that figure, 121 were confirmed cases.

A total of 168 people were ventilated yesterday, against the

overall number of patients warded for Covid-19 and marked as probable cases.

This is a decline from March 29. Currently, the overall use of ventilators nationwide is at 19 per cent.

Overall, Putrajaya, Selangor and Kuala Lumpur registered over 50 per cent in the use of ICU beds. Putrajaya led with 67 per cent of its ICU beds filled, followed by Selangor at 55 per cent

and Kuala Lumpur at 53 per cent.

Putrajaya and Selangor also charted the highest use of non-ICU beds with 93 per cent and 66 per cent of its facilities occupied respectively.

Of the new infections on Wednesday, only 108 cases had been classified as Categories 3, 4 and 5.

Of this tally, 26 cases (24.07 per cent) were not fully vaccinated, 45 cases (41.67 per cent) had not been

boosted and 37 cases (34.26 per cent) had received booster shots.

Meanwhile, one new cluster was recorded on Wednesday, bringing the overall number of active clusters nationwide to 207.

The nationwide infection rate stood at an Rt of 0.88.

Selangor and Perak recorded the highest Rt, charting at 1.04 and 0.91 respectively. Sabah and Kelantan recorded the lowest Rt at 0.67 and 0.68 respectively.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

Thrilled about transition

Malaysians gearing up to embrace endemic phase

By ALIZA SHAH
alizashah@thestar.com.my

PETALING JAYA: Infections are still high but the borders are open, businesses are back on track and Malaysians are all geared up to embrace the Covid-19 endemic phase.

Many, in fact, are excited to meet friends and family members residing overseas whom they haven't had the opportunity to meet for over two years.

Qamar Rahman, 32, is excited to welcome his aunt and their family who live in Australia.

"I am ready to embrace the new phase right now, I can't wait to welcome my aunt from Australia. The reopening of our borders would also help our businesses which have been affected by the pandem-

ic," he said.

Qamar, who is a lecturer, added that he would, however, still be careful even in the endemic phase.

"I will still make sure that I take good care of myself, follow all the standard operating procedures (SOP) to protect myself and my family from the virus," he said.

Nor Ariani Wahida Mohd Nor, 23, said while she's still concerned over the high number of Covid-19 cases, she is definitely ready to patronise the 24-hour mamak stalls.

"I listened to the radio today and they said something about a new variant and no one knows how fast or slow it will spread. I haven't had Covid-19 yet, so I am still scared.

"But I have taken my booster shot, so I should be fine," she added.

Ariani, who is half Indonesian, is also eager to go back to her home-

town in Surabaya, which she last visited in December 2019.

"My grandmother had Covid-19 in July last year and she has fully recovered. I still haven't managed to go back to my hometown, so I do feel sad about it.

"One of the reasons why I haven't gone back is because of the exorbitant costs that we need to bear for quarantine.

"Now, since the reopening of borders of both countries, my grandmother can come to Malaysia or I can go back to Surabaya," she said.

Bank officer Mohd Tarmimi Mohd Zulkifly, 33, can't wait to spend time with his friends at restaurants.

"Prior to Covid-19, I would hang out with my friends until late at night but now the restaurants mostly close at 10pm.

"I also believe that we need to learn to live with the virus ... (measures such as) limiting our movements and closing businesses early will not help the economy," he said.

Ilainya Barathi Paneerselvam, 28, said the high vaccination rate indicates that the public is relatively safe and protected despite the increasing number of infected cases.

Nevertheless, compliance towards the outlined SOP must be observed by all regardless of socio-economic status, he added.

Student, Lieng Shi Min, 19, on the other hand, is not too eager about the transition.

"The number of cases is still rising and I am worried that people might no longer take the SOP such as wearing face masks and keeping social distances, seriously," she said.

New cases still under 20,000 as Malaysia reopens today

KUALA LUMPUR: On the eve of Malaysia's reopening, the country continues to record new Covid-19 daily numbers of below 20,000 for four days straight while 67% of the total adult population has received their booster shots.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said that 15,941 cases were reported on Wednesday, bringing the cumulative number of cases in the country to 4,183,359.

The number of daily cases reported last Sunday was 16,863, followed by 13,336 cases the following day and 15,215 cases on Tuesday, Bernama reported.

Of the total new cases recorded on Wednesday, Dr Noor Hisham said 7,474 cases were in Category 1, Category 2 (8,359 cases), Category 3 (50 cases), Category 4 (26 cases) and Category 5 with 32 cases.

"Of the 108 Covid-19 cases in Categories 3, 4 and 5 reported on Wednesday, 26 cases were not vaccinated or not completely vaccinated, 45 cases had received two doses of the Covid-19 vaccine but had not received the booster dose, while 37 cases had received the booster dose," he said in a statement yesterday.

Dr Noor Hisham also said that a total of 21,186 Covid-19 recovery cases were reported on Wednesday, bringing the total of recoveries in the country to 3,941,829 cases.

He added that of the total new cases recorded on Wednesday, 275 cases required treatment in the Intensive Care Unit (ICU) while 168 cases required respiratory assistance.

On the use of health facilities specifically for Covid-19 cases, he said three states recorded more than 50% usage of ICU beds, namely Putrajaya with 67%, Selangor (55%) and Kuala Lumpur (53%).

For beds at the Covid-19 Low Risk Quarantine and Treatment Centres (PKRC), he said, no state recorded usage exceeding 50% while the number of Covid-19 patients in need of ventilator support dropped to 168 patients.

Dr Noor Hisham said that a total of 845 Covid-19 cases were admitted to hospital on Wednesday, with 366 cases in Categories 3, 4 and 5, while the rest were in Categories 1 and 2.

On the infectivity rate or Rt value, it was 0.88 nationwide, with Selangor still recording the highest rate of 1.04 and Sabah the lowest rate at 0.67.

According to the Health Ministry's GitHub data repository, 33 deaths due to Covid-19 were recorded on Wednesday, with Johor and Kedah recording the highest number of cases at six each, followed by Kuala Lumpur and Perak with four cases each, while Sarawak and Pahang had three cases each.

Apart from that, Penang and Selangor recorded two cases each, while Sabah, Kelantan and Negri Sembilan recorded one case each.

On Twitter, Health Minister Khairy Jamaluddin said as the country entered the endemic phase, the Omicron wave was under control.

"The country's Rt is 0.88. The public health system has enough capacity but let's not let our guard down," he said in a tweet.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Khairy: Your data is secure

Govt fully owns MySejahtera, reiterates Health Minister

By JOSEPH KAOS Jr
and MARTIN CARVALHO
newsdesk@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Malaysians can be assured that their data obtained by MySejahtera is secure and the application is entirely owned by the government, says Health Minister Khairy Jamaluddin.

"The data obtained by the app is protected and used only for the Health Ministry's management of the Covid-19 pandemic.

"Every data and information obtained through MySejahtera is the property of the government and its security and confidentiality are guaranteed.

"I hope people will continue to use the MySejahtera app without hesitation.

"The confidentiality of public data is guaranteed and the ministry will always ensure this aspect is not compromised," he told the Dewan Negara yesterday.

Khairy said before the government launched the MySejahtera app on April 20, 2020, the National Security Council entered into a non-disclosure agreement (NDA)

with KPISoft Malaysia Sdn Bhd with terms agreed to by both sides.

"Among the key terms contained in this NDA is that the ownership of any data and information obtained through the use of the MySejahtera application is the full and absolute property of the government.

"The usage and management of MySejahtera's data is subject to the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988, Medical Act 1971 as well as international standards," he said.

"KPISoft is only in charge of managing the application and does not own the data.

"Data transactions are uploaded to a cloud server network that is not based overseas, but at the AIMS Data Centre in Kuala Lumpur.

"The data can only be accessed for MySejahtera's usage as well as support applications that are related to the Covid-19 pandemic only," said Khairy.

"The data is automatically erased from the system after 90 days.

"The system will delete the data after 90 days. It will carry out a 'hard delete', which means that data deleted cannot be retrieved,"

he said.

On the ownership of MySejahtera, Khairy explained that the app was developed through a software for service concept by KPISoft under a corporate social responsibility agreement with the government in 2020.

He added that not a single sen was paid to KPISoft, now known as Entomo, by the government so far.

"Upon the expiration of the CSR period, the Cabinet on March 31, 2021, agreed that the services of MySejahtera be continued.

"A steering committee chaired by myself and various stakeholders was set up for the purpose of holding negotiations with the company operating MySejahtera.

"Therefore, the issue of the sale of the MySejahtera application to the private sector does not arise.

"Instead, the Cabinet decided last November for the ownership of MySejahtera to be transferred completely to the Health Ministry," he said.

"The government is in the final stages of completing the negotiations and is hoping to achieve a win-win situation on the matter.

"It will be much lower than the alleged RM300mil amount that has been talked about," he said.

Khairy noted that the MySejahtera app had been vital in the ministry's management of the Covid-19 pandemic, adding that there is still a need to use it even after the country enters the endemic phase.

"However, the ministry is prepared to remove the need to conduct MySejahtera check-ins after monitoring the Covid-19 situation following Malaysia's reopening on April 1," he said.

Khairy revealed that he is willing to testify before the Public Accounts Committee (PAC) over the procurement of the MySejahtera app, adding that his ministry would also give full cooperation to the PAC.

"We have nothing to hide," Khairy said when winding up his ministerial replies raised by 13 senators during the debate on MySejahtera.

Watch the video
TheStarTV.com

Further boost for traditional medicine

By MAZWIN NIK ANIS
mazwin@thestar.com.my

PUTRAJAYA: The development of traditional and complementary medicine will continue to be pursued and be integrated with modern medicine to boost the health and quality of life of Malaysians, says Khairy Jamaluddin.

The Health Minister said this area of medicine would be given a boost of professionalism by ensuring its services were not just safe, but of high quality and accessible to all.

Saying that traditional medicine in Malaysia was unique, Khairy pointed out this was because it was an outcome of various heritage, cultures and languages.

He said traditional medicine had always played an important role in healthcare among the people.

"With Malaysia's research work in this field still in its early stages, we will benefit from China's vast knowledge and experience. This is particularly so in the area of research for prevention and treatment of contagious and non-communicable diseases.

"The outcome of these studies will help the Malaysian government set policies to reduce the burden



Health collaboration: Khairy (top, left) attending the virtual signing of the MOU. — Bernama

brought by illnesses," he said at a virtual signing of a memorandum of understanding (MOU) on the cooperation of traditional medicine between the governments of Malaysia and China.

Khairy led the Malaysian delegation, which included Malaysia's ambassador to China Datuk Raja Nushirwan Zainal Abidin and

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

China was represented by National Administration of Traditional Chinese Medicine (NATCM) Commissioner Dr Yu Wen Ming and Chinese ambassador to Malaysia Ouyang Yujing.

Khairy hoped with the MOU, communication networks could be

further strengthened to allow the exchange of technical and scientific information to help draw policies and strategies so that services and products used were safe and effective.

Malaysia and China signed a similar MOU on Nov 7, 2011 in Beijing.

Former health minister Tan Sri Liow Tiong Lai represented the government while NATCM's then commissioner Dr Wang Guoqiang signed on behalf of China.

Khairy said that over the past 10 years, cooperation such as training at China's hospitals and institutions, and Chinese traditional medical experts offering their services in hospitals under the ministry were implemented under the MOU.

"The Belt and Road Initiative has also boosted collaborations between Malaysia and China, and has become a platform to enhance abilities in managing public health emergencies through the sharing of information on epidemic, prevention and intervention efforts and training," he said.

Watch the video
TheStarTV.com